

**UNIT
13**

TEKNOLOGI



INFO RINGKAS

Teknologi dan Kepentingannya

- 1 Teknologi merupakan satu daripada aplikasi pengetahuan sains untuk membantu mengatasi had keupayaan manusia.
- 2 Pelbagai alat telah dicipta untuk membantu mengatasi had keupayaan manusia. Contohnya adalah seperti berikut:

Had keupayaan manusia	Alat yang dicipta
Tidak dapat memerhati organisma dan objek yang sangat seni	Mikroskop
Tidak dapat memerhati planet, Bulan dan objek yang sangat jauh di angkasa	Teleskop
Tidak dapat bercakap dengan suara yang kuat	Mikrofon dan pembesar suara
Tidak mampu mendengar bunyi yang sangat perlahan	Stetoskop
Tidak mampu berkomunikasi dalam jarak yang sangat jauh	Telefon dan telefon bimbit
Tidak mampu bergerak jauh dalam masa yang singkat	Kapal terbang, kapal laut dan kereta

Kebaikan dan Keburukan Teknologi

Kebaikan	Keburukan
Penggunaan dron membantu manusia menjimatkan masa dan tenaga	Jangka hayat bateri dron adalah terhad dan pelupusannya dapat mengakibatkan pencemaran kepada alam sekitar
Penghasilan ubat-ubatan dapat membantu manusia merawat penyakit dan meningkat kualiti kesihatan	Penyalahgunaan ubat-ubatan dapat menyebabkan ketagihan
Kawasan berbukit dapat diteroka dan rumah dapat dibina	Kemusnahan flora dan fauna akibat aktiviti penebangan hutan untuk tujuan pembinaan infrastruktur
Perkongsian maklumat yang berlaku secara pantas dan tanpa batas dapat menjimatkan masa	Data peribadi mudah diceroboh dan disalahgunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab
Pertambahan kenderaan berenjin memudahkan pergerakan dari satu tempat ke satu tempat yang lain	Pembebasan gas berbahaya menyumbang kepada pencemaran udara